



Pemandangan dari Kolej Kediaman Tun Fuad

Foto Oleh Fadhilah Jamil

## Kolej Kediaman: Di Sini Teratak Berteduh

Oleh: Fadhilah Binti Jamil  
[fadhilahjamil999@gmail.com](mailto:fadhilahjamil999@gmail.com)

Pelajar daripada aliran Sains Sosial yang hanya mahu dikenali sebagai 'Umi' meluahkan betapa isu penempatan banyak memberikan kesan terhadap kehidupan sehariannya sebagai seorang pelajar. "Saya banyak meluangkan masa dengan aktiviti Islamik dan kerohanian anjuran pihak kelab ketika menetap di kolej kediaman. Saya bebas untuk mendekati usrah, forum Islamik dan aktiviti pengisian surau. Umi turut menjelaskan bahawa jarak kediaman luar dengan perpustakaan mendatangkan kesukaran buat dirinya untuk menghadiri perbincangan kumpulan. "kali perbincangan berakhir lewat malam, saya terpaksa mendapatkan perkhidmatan 'grabcar' dan isu keselamatan diri adalah perkara utama yang membimbangkan saya". "Setiap kali Sabtu

dan Ahad, saya terpaksa mengeluarkan perbelanjaan lebih untuk mencari bahan rujukan di perpustakaan kerana perkhidmatan bas ke UMS sangat terhad. Setiap perjalanan memakan kos RM5 untuk sekali perjalanan. Kuliah yang padat sepanjang minggu membuatkan saya tiada pilihan untuk pergi ke perpustakaan pada waktu cuti"

Pelajar yang turut tersenarai dalam pemegang anugerah dekan ini kesal apabila cuba menyatakan kesukarannya untuk menyertai pelbagai aktiviti. " Sesetengah pihak mungkin mendakwa pelajar manja dan tidak mencari inisiatif memandu sendiri ke kampus. Tetapi bagi pelajar yang kurang berkemampuan, memiliki kereta sendiri

adalah perkara yang mustahil. Tidak semua pelajar dilahirkan dalam keluarga yang mampu".

Pembaharuan yang mengubah penempatan pelajar perubahan daripada penempatan khas kepada penempatan milik pelajar dalam kolej merupakan satu kontroversi yang mendapat kritikan hebat daripada penghuni asal kolej kediaman. Ramai yang merasakan tindakan ini sama sekali bersifat berat sebelah dan tidak relevan.

Kuota penghuni terpaksa dikurangkan menjadi kuantiti yang lebih sedikit bagi memberi ruang kepada pelajar perubahan. Penghuni aktif sekali lagi menjadi 'mangsa' kepada arahan pembaharuan ini. Semua pihak merungut dan meluahkan rasa tidak puas hati mereka, membuat rayuan semula dan tidak kurang berkeras untuk tetap tinggal di kolej kediaman.

Sekali lagi masalah ini merungkaikan faktor mengapa isu 'penghuni ninja' tidak pernah berpenghujung.

Tempoh keputusan rayuan kolej kediaman yang terlalu lambat diumumkan membuatkan pelajar terpaksa menumpang secara haram di kolej-kolej kediaman.

***"Walaupun tinggal secara 'haram' di kolej kediaman merupakan salah laku yang melanggar peraturan disiplin dan kolej kediaman, namun rata-rata pelajar terpaksa mengambil risiko untuk melakukan sedemikian."***

Mengejar masa untuk menghadiri kuliah di minggu pertama adalah mimpi ngeri bagi pelajar yang tidak mendapat kolej kediaman. Ditambah dengan bayaran sewa rumah yang mencecah RM200 setiap bulan dan soal pengangkutan dikatakan sangat membebankan pelajar. Walaupun tinggal secara 'haram' di kolej kediaman merupakan salah laku yang melanggar peraturan disiplin dan kolej kediaman, namun rata-rata pelajar terpaksa mengambil risiko untuk melakukan sedemikian. Minggu pertama yang dipenuhi dengan pelbagai urusan pendaftaran subjek dan jadual yang tidak menentu membuatkan mereka sentiasa perlu berada di kawasan kampus.



Bulatan utama kolej kediaman Excellent yang berhadapan dengan blok B1 dan blok A3

Foto Oleh Fadhilah Jamil



*Salah satu perkarangan jalanan Kolej Kediaman Excellent  
Foto Oleh Fadhilah Jamil*

**“Setiap kali perbincangan berakhir lewat malam, saya terpaksa mendapatkan perkhidmatan ‘grabcar’ dan isu keselamatan diri adalah perkara utama yang membimbangkan saya”.**

Umi turut menjelaskan bahawa jarak kediaman luar dengan perpustakaan mendatangkan kesukaran buat dirinya untuk menghadiri perbincangan kumpulan. “Setiap kali perbincangan berakhir lewat malam, saya terpaksa mendapatkan perkhidmatan ‘grabcar’ dan isu keselamatan diri adalah

perkara utama yang membimbangkan saya”. “Setiap kali Sabtu dan Ahad, saya terpaksa mengeluarkan lebih untuk mencari bahan rujukan di perpustakaan kerana perkhidmatan bas ke UMS sangat terhad. Setiap perjalanan memakan kos RM5 untuk sekali perjalanan. Kuliah yang padat sepanjang minggu membuatkan saya tiada pilihan untuk pergi ke perpustakaan pada waktu cuti”.

Pelajar yang turut tersenarai dalam pemegang anugerah dekan ini kesal apabila cuba menyatakan kesukarannya untuk menyertai pelbagai aktiviti. “Sesetengah pihak mungkin mendakwa pelajar manja dan tidak mencari inisiatif memandu sendiri ke kampus. Tetapi bagi pelajar yang kurang berkemampuan, memiliki kereta sendiri adalah perkara yang mustahil. Tidak semua pelajar dilahirkan dalam keluarga yang mampu”.



*Foto Oleh Fadhilah Jamil*



*Anjung Perdana, Kolej Kediaman Excellent  
Foto Oleh Fadhilah Jamil*